

16 SEP 1997

Sri Lanka-kerjasama

MALAYSIA SETUJU LATIH PEGAWAI AWAM SRI LANKA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Sri Lanka meminta kerjasama Malaysia melatih para pegawai awamnya dalam usaha kerajaan negara itu melaksanakan reformasi pentadbiran awam.

Permintaan itu merupakan antara perkara yang dibangkitkan pada perbincangan antara Presiden Sri Lanka Chandrika Kumaratunga dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata Sri Lanka berminat menimba pengalaman Malaysia yang telahpun berjaya mengadakan reformasi pentadbiran awam.

"Mereka berharap kerajaan Malaysia dapat menerima beberapa pegawai yang akan dihantar ke Malaysia untuk mengikuti latihan-latihan tertentu atau yang datang untuk lawatan sambil kerja," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu. Dr Mahathir menyatakan bahawa Malaysia bersedia memberi latihan yang diperlukan oleh kerajaan Sri Lanka.

Presiden Kumaratunga tiba semalam untuk lawatan rasmi empat hari atas undangan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala serta memperluaskan kerjasama ekonomi.

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin bersetuju agar hubungan Malaysia-Sri Lanka dipertingkatkan dengan, antara lain, memperluaskan kerjasama dalam bidang ekonomi, pelaburan, latihan dan teknologi maklumat.

Mereka juga menyentuh beberapa isu antarabangsa termasuk menggalakkan hubungan yang lebih rapat antara Asean, yang dianggotai Malaysia, dengan Pertubuhan Kerjasama Serantau Asia Selatan (SAARC), yang disertai Sri Lanka.

Dr Mahathir, yang akan menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland, menyatakan satu daripada isu yang akan dibangkitkannya ialah mengenai pasaran kewangan dan saham serta manipulasi mata wang.

"Perdana Menteri memberikan pandangannya bagaimana manipulasi mata wang telah menyebabkan kesusahan kepada neara-negara yang sedang membangun dan meningkat maju...pengalaman yang dirasai oleh Malaysia dalam perkara ini telah dijelaskan," kata Abdullah.

"Presiden Sri Lanka tela memberikan pandangannya yang menunjukkan bahawa beliau memahami apa yang berlaku dan ada persetujuan mengenai perkara ini," katanya.

Abdullah berkata Presiden Kumaratunga menyatakan bahawa Sri Lanka akan mencadangkan supaya Malaysia menganggotai kumpulan 24 (G24) memandangkan ada satu kekosongan anggota pada waktu ini.

Kumpulan itu dianggotai oleh 24 negara pada peringkat ketua bank pusat masing-masing yang berperanan khusus membincang perkara-perkara berkaitan dengan kewangan.

Dr Mahathir telah menyatakan bahawa Malaysia akan mengkaji cadangan itu.

Presiden Kumaratunga turut menyatakan kepada Dr Mahathir mengenai hasrat Sri Lanka menganggotai forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

Dr Mahathir berkata pada masa ini belum ada keputusan memperluaskan keanggotaan APEC tetapi apabila tiba masanya Malaysia boleh memberi sokongan kepada hasrat Colombo itu.

Mengenai isu hak asasi manusia, Dr Mahathir telah menjelaskan mengenai pandangan Malaysia dan Presiden Sri Lanka itu menyatakan ada alasan untuk mengkaji semula Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa

Bersatu.

"Ini bermakna ada sokongan dari Sri Lanka terhadap usaha yang akan dilaksanakan oleh Malaysia berkaitan perkara ini," kata Abdullah. --  
BERNAMA

AZZ NMO